



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

# BULETIN MOT



30 MAC 2021

Majlis APC 2020 Dan  
Jasamu Dikenang 2021



5 JANUARI 2021

Projek Pembangunan Litar  
Latihan dan Ujian Memandu  
di Akademi JPJ Melaka



16 MAC 2021

Convention on the  
International Organisation  
for Marine Aids to Navigation



9 APRIL 2021

Kempen Keselamatan  
Penunggang P-Hailing  
Tingkatkan Kesedaran  
Penunggang



11 APRIL 2021

Tren Diesel Multiple Unit  
Menggantikan Perkhidmatan  
Tren Diesel Konvensional  
KTM Intercity



11 JANUARI 2021

MOT Komited Membantu  
Mangsa Banjir



6 APRIL 2021

Majlis Tandatangan  
Nota Kerjasama Antara  
Kementerian Kesihatan  
Malaysia (KKM) dan MOT



26 MAC 2021

Mesyuarat Agung Tahunan  
PUSPANITA Ke-38



**Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara**

Sustainable Transport the Heart Of National Development


# **Projek Pembangunan Litar Latihan dan Ujian Memandu Dapat Melahirkan Pemandu Kenderaan Motor Yang Kompeten Dan Selamat**

Pelaksanaan projek pembangunan "Litar latihan dan Ujian Memandu" di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia (APJM), Melaka dapat digunakan sebagai kemudahan latihan asas, pertengahan dan lanjut untuk menghasilkan standard tenaga pengajar serta penguji yang kompeten lagi profesional setanding dengan negara-negara maju seperti China, Jepun, Korea dan Singapura. Selain itu, secara tidak langsung ianya juga dapat memperkasakan pelaksanaan sistem pentaulahan serta akreditasi pengajar dan penguji pemandu yang merangkumi Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), penarafan akreditasi dengan badan professional serta perlaksanaan *refresher course* kepada penguji dan pengajar serta pemandu kenderaan komersial.



Projek ini telah mendapat kerjasama daripada Kementerian Kerja Raya dengan menggunakan Dana Akaun Amanah APJM melibatkan kos berjumlah sebanyak RM2.3 juta dengan keluasan tapak sebanyak 5 ekar dan dijangka siap pada tahun ini. Majlis pecah tanah projek pembangunan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia pada 5 Januari 2021. Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Dato' Roslan bin Datuk Hj Ahmad, Exco Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri Melaka, YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, YBhg. Dato' Zailani Hj. Hashim, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) serta YBrs. Ir Dr Anwar bin Abu Kasim, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).

## **Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE)**



Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah membangunkan Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) untuk mendepositkan maklumat berkaitan industri logistik negara bagi membolehkan semua syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan logistik seperti *Freight Forwarders*, operator gudang, syarikat *shipping line*, syarikat *Non Vessel Operating Common Carrier* (NVOCC) dan lain-lain mendaftarkan maklumat perniagaan mereka melalui sistem ini yang boleh dilayari dalam laman sesawang rasmi MOT di pautan <https://application.mot.gov.my>

Di samping itu, SMILE juga akan berfungsi sebagai portal untuk mendapatkan pengesahan pengoperasian perlu (*essential services*) oleh syarikat-syarikat berkaitan logistik semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.



# MOT Komited Membantu Mangsa Banjir



Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melancarkan Tabung Bantuan Mangsa Banjir MOT 2021 pada 11 Januari 2021 dalam usaha membantu mangsa-mangsa banjir susulan tragedi banjir yang telah melanda beberapa buah negeri. Tabung ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang sentiasa dilaksanakan oleh MOT bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya di mana MOT turut merasa simpati terhadap mangsa-mangsa banjir di negeri yang terlibat dan berharap agar sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka dalam menghadapi musibah banjir terutama untuk membeli keperluan diri dan rumah.

Melalui usaha ini, MOT telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM57,343.75 di mana sumbangan bagi tabung bantuan ini telah diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak pada 11 Februari 2021 oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dalam satu majlis ringkas yang telah diadakan di perkarangan lobi MOT. Turut hadir bersama semasa majlis penyerahan ini ialah YBhg. Dato' Razali Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOT dan Yang Di Pertua (YDP) Kelab Sukan Dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP), Encik Aedy Fadly Ramli.

## Sumbangan Insentif Penghargaan Kepada Anggota RELA Di MOT

Majlis penyampaian insentif penghargaan kepada anggota RELA yang berkhidmat di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) pada 10 Februari 2021.

Insentif penghargaan ini berupa wang tunai berjumlah sebanyak RM2,000.00 hasil sumbangan daripada semua Ahli MPT Kementerian Pengangkutan Malaysia kepada 16 orang Anggota RELA yang berkhidmat di MOT. Insentif penghargaan ini adalah sebagai menghargai khidmat Anggota RELA yang merupakan di antara petugas barisan hadapan di MOT yang telah memberikan perkhidmatan yang baik dan cemerlang bagi memastikan penyampaian perkhidmatan di Kementerian Pengangkutan Malaysia ini berjalan dengan lancar.



# Laporan Hasil Akhir dan Pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014–2020

Aspek keselamatan pengguna di jalan raya merupakan satu perkara yang amat diambil berat oleh Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Berdasarkan statistik tahun 2010 hingga 2019 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), secara puratanya, lebih daripada **500 ribu kes kemalangan jalan raya telah dilaporkan melibatkan hampir 7 ribu kematian pada setiap tahun.**

Sabagai salah satu usaha menangani isu keselamatan jalan raya, MOT telah memperkenalkan **Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia Tahun 2014 - 2020 (PKJRM 2014 - 2020)** yang merupakan kesinambungan kepada PKJRM Tahun 2006 - 2010. PKRJM ini juga adalah selari dengan usaha di peringkat global menangani isu keselamatan jalan raya di bawah *United Nations Decade of Action for Road Safety 2011 - 2020*.



Sasaran (atau objektif) utama PKJRM 2014 – 2020 adalah untuk mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya sehingga 50% menjelang tahun 2020, berbanding anggaran jumlah kematian sekiranya tiada sebarang langkah intervensi dilaksanakan. Berdasarkan analisa ke atas data kemalangan di dalam situasi di mana tiada sebarang langkah intervensi dilaksanakan, kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia dijangka akan meningkat sebanyak **56%** iaitu dari **6,872 kematian pada tahun 2010 kepada 10,716 kematian pada tahun 2020**. PKJRM 2014 – 2020 juga mensasarkan pengurangan Indeks Kematian bagi setiap 10 ribu kenderaan kepada 2.0 dalam tahun 2020 berbanding 3.4 pada tahun 2010.

Berdasarkan kepada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 11 Februari 2021, **secara keseluruhannya**, kedua-dua objektif utama PKJRM 2014 – 2020 telah berjaya dicapai di mana semua program, inisiatif dan langkah intervensi yang telah dilaksanakan telah menyumbang kepada **penurunan kadar kematian** akibat kemalangan jalan raya dengan **purata penurunan** pada kadar **4.8% setahun** di antara tahun **2016** (7,152 kematian) hingga **2019** (6,167 kematian). Sasaran penurunan **Indeks Kematian** juga telah dicapai iaitu daripada **3.4 pada tahun 2010 kepada 1.97 pada tahun 2019 (sasaran 2.0)**.

Pencapaian dan kejayaan PKJRM 2014 - 2020 adalah merupakan hasil kerjasama dan sokongan daripada pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan semua lapisan masyarakat. Semua program, inisiatif dan langkah intervensi di bawah PKJRM 2014 - 2020 yang telah berjaya dilaksanakan akan diteruskan dan ditambahbaik dalam **PKJRM 2021 - 2030**. Pelan ini sedang dalam proses pembangunan oleh MOT dan dijangka akan dilancarkan dalam suku ketiga tahun 2021.



# Pelancaran Garis Panduan (Civil Aviation Directive) Dron (Unmanned Aircraft System) Untuk Operasi Latihan, Pertanian dan Projek Khas

Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui agensi pengawalseliaan penerbangan, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah mengumumkan pelancaran tiga garis panduan Civil Aviation Directive (CAD) baharu pesawat tanpa pemandu atau lebih dikenali sebagai dron (Unmanned Aircraft System - UAS) di Malaysia yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2021.

Tiga garis panduan CAD baharu ini ialah:

- i. **CAD 6011 Bahagian (I) - Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO);**
- ii. **CAD 6011 Bahagian (II) - Operasi Pertanian UAS (AGR); dan**
- iii. **CAD 6011 Bahagian (V) - Projek UAS Khas (SUP)**

CAD baharu adalah untuk menampung peningkatan operasi UAS yang melibatkan pelbagai bidang seperti pertanian, organisasi latihan dron, penyelidikan dan pembangunan serta operasi dron secara *Beyond Visual Line of Sight* (BVLOS).

Usaha ini adalah bagi mendokong perkembangan teknologi dan industri dron negara tanpa mengenepikan perihal keselamatan dan piawaian antarabangsa dan juga selaras dengan Teras Dasar 1 dalam Dasar Pengangkutan Negara (DPN) iaitu memperkuuhkan tadbir urus ke arah persekitaran yang kondusif bagi sektor pengangkutan.



# **Majlis Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin oleh YAB Perdana Menteri Malaysia**

Seramai lebih kurang seratus (100) orang warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) termasuk warga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengikuti siaran langsung Majlis Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia yang dipancarkan secara maya di Dewan Serbaguna, MOT pada 1 Mac 2021.



YAB Perdana Menteri telah menyampaikan Amanat Perdana tersebut bersempena dengan setahun pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional pagi tadi yang telah disiarkan secara langsung melalui siaran televisyen utama negara serta media sosial rasmi kerajaan. Dalam amanatnya, YAB Perdana Menteri memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memberi keutamaan dalam melindungi nyawa dan kehidupan rakyat sejak setahun lalu di mana kerajaan telah mengambil langkah yang berani dan proaktif termasuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selain dalam masa yang sama telah memperkenal pelbagai pakej rangsangan ekonomi bagi membendung penularan COVID-19 dan meringankan beban rakyat semasa menghadapi pandemik tersebut.

Selain itu, YAB Perdana Menteri turut menzahirkan kesyukuran dengan sokongan daripada barisan hadapan, penjawat awam, pasukan keselamatan, sektor swasta dan masyarakat umum, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menghadapi pandemik COVID-19 telah menunjukkan hasil yang positif. Di samping itu, YAB Perdana Menteri juga mengatakan bahawa segala perancangan kerajaan memerlukan komitmen dan kerjasama daripada perkhidmatan awam yang cekap, berintegriti dan prihatin di mana YAB Perdana Menteri berharap agar penjawat awam memberi tumpuan kepada usaha membantu rakyat dalam waktu yang sukar ini dan menjadikan perkara ini sebagai keutamaan nombor satu.



# **Keselamatan dan Kecekapan Pelayaran Maritim Dipertingkat Menerusi “Convention on the International Organisation for Marine Aids to Navigation”**



Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah menandatangani 'Convention on the International Organisation for Marine Aids to Navigation' di pejabatnya, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Putrajaya pada 16 Mac 2021. Turut bersama menyaksikan majlis ini ialah Duta Besar Perancis ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Roland Galharague dan Ahli Lembaga Dius Api serta pengurusan tertinggi MOT yang diketuai oleh Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak. Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia (JLM), Dato' Baharin Abdul Hamid; Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri, Dr. Adina Kamarudin dan Pengerusi Persatuan Pemilik-Pemilik Kapal Malaysia (MASA), Dato' Ir. Abdul Hak Mat Amin.

Majlis ini juga turut dihadiri secara maya oleh Duta Besar Malaysia ke Perancis, Dato' Dr. Azfar Mohamad Mustafar; Duta Besar untuk Perwakilan Khas bagi Rundingan Maritim, Tuan Yang Terutama Serge Segura; Timbalan Pengarah PBB, Pertubuhan Antarabangsa, Hak Asasi Manusia Perancis, Tuan Yang Terutama Jean-Marc Séré-Charlet dan Setiausaha Agung IALA, En. Francis Zachariae serta pejabat Kedutaan Malaysia di Perancis.



Sebagai sebuah negara penandatangan, Malaysia komited untuk memastikan Konvensyen IALA sebagai kunci dalam usaha meningkatkan keselamatan navigasi laluan pelayaran, manakala sebagai sebuah Negara Pesisir Selat serta *Coastal State* di Selat Melaka, Malaysia berkeyakinan dan berupaya dalam memainkan peranan yang lebih utama (significant) untuk menerajui piawaian alat bantuan pelayaran yang berteknologi moden yang lebih selamat dan effisien untuk pelaut dan maritim antarabangsa di peringkat serantau dan antarabangsa. Akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia, ini merupakan kali pertama bagi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menandatangani Konvensyen di luar Perancis, di mana *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authority* (IALA) telah menjadi tuan rumah.



# Pelancaran Pas Perjalanan Bulanan Tanpa Had MyRail5 Untuk Pelajar Sekolah dan OKU

Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama-sama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) telah melancarkan Pas Perjalanan Bulanan Tanpa Had RM5 yang juga dikenali sebagai MyRail5 khusus untuk pelajar sekolah Tahun 1 hingga Tingkatan 6 serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di mana dengan hanya RM5, golongan ini dapat menggunakan perkhidmatan KTMB berulang kali tanpa had untuk tempoh 30 hari.



Pengenalan insentif baharu ini adalah untuk meringankan beban perbelanjaan pengangkutan pelajar sekolah dan golongan OKU yang menggunakan perkhidmatan KTMB dan JKNS di mana ianya dijangka dapat memberi faedah kepada hampir 3,000 pengguna tren sehari. Insentif ini memberi manfaat kepada mereka kerana berdasarkan kepada statistik, purata perbelanjaan yang dikeluarkan untuk pengangkutan adalah sebanyak RM169 sebulan.

Pas MyRail5 telah mula digunakan sejak 1 Januari 2021 namun, Majlis Pelancaran MRail5 terpaksa ditangguhkan kepada 26 Mac 2021 bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang tamat pada 18 Mac 2021.

Pendaftaran MyRail5 untuk pengguna KTMB telah mula dibuka di kaunter dan stesen terpilih dan secara dalam talian pada 27 Disember 2020. Manakala bagi perkhidmatan tren Sabah, pendaftaran boleh dibuat di sekolah dan stesen terpilih bermula 1 Januari 2021. Pas ini boleh digunakan mengikut sektor bagi perkhidmatan KTM Komuter Lembah Klang, KTM Komuter Utara dan tren KTM Intercity Shuttle Timuran di antara Kuala Lipis - Tumpat.

Majlis Pelancaran Pas Perjalanan Bulanan Tanpa Had RM5 (MyRail5) telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia dan turut dihadiri oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, Puan Normah binti Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Encik Mohd Rani Hisyam Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif KTMB.



Sumber Gambar : Facebook KTMB Berhad



# Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Ke-38



PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 pada 26 Mac 2021 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Datuk Isham Ishak juga telah menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang merupakan anak-anak kepada ahli PUSPANITA Cawangan MOT serta sijil penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan MOT sesi 2019/2021 sebagai tanda terima kasih di atas jasa bakti yang telah dicurahkan bagi tempoh tersebut.



Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 yang dihadiri ahli-ahli PUSPANITA Cawangan MOT termasuk daripada jabatan dan agensi di bawah MOT ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datin Noor Laili Haji Hamzah selaku Pengurus PUSPANITA Cawangan MOT. Majlis ini turut diisi dengan sesi taklimat yang telah disampaikan oleh Dr. Nor Filzatun Borhan, Pakar Perubatan Kesihatan Awam dengan topik bertajuk Kesihatan Wanita.

Selain itu, turut berlangsung majlis penyampaian sumbangan buku oleh Encik Adam Abu Hanipah, Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC) untuk Projek Perpustakaan Mini di Stesen Keretapi yang merupakan satu inisiatif Tanggungjawab Sosial RAC yang telah dicetuskan sendiri oleh Ketua Setiausaha MOT. Melalui program ini, dua buah stesen keretapi telah dilengkapkan dengan kemudahan perpustakaan mini iaitu Stesen Keretapi Dabong di Kelantan dan Stesen Keretapi Butterworth di Pulau Pinang, yang mana disediakan dengan kerjasama oleh Penang Global Tourism.



# **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 dan Jasamu Dikenang Tahun 2021 Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)**

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 dan Jasamu Dikenang Tahun 2021 Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2 MOT pada 30 Mac 2021.

Majlis ini telah diadakan bagi memberikan pengiktirafan dan menghargai warga MOT yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan untuk meraikan dan menghargai para pesara dan bakal pesara tahun 2021 yang telah banyak menabur bakti dan tenaga sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Seramai tiga puluh tujuh (37) orang warga MOT telah menerima anugerah APC pada tahun 2020 dan tiga (3) orang pesara yang akan bersara pada tahun 2021.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah dan semoga terus mengekalkan momentum kecemerlangan serta selamat bersara diucapkan kepada pesara dan bakal pesara di mana jasa dan khidmat yang telah diberikan akan sentiasa disanjung dan diingati.



# **Penubuhan “The Club Mart by KSKKP” dan “Bank Rezeki” Memberi Manfaat Kepada Warga MOT**

Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) telah menubuhkan “The Club Mart by KSKKP” iaitu sebuah kedai serbaneka yang berlokasi di Aras 1 Bangunan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 30 Mac 2021. Perasmian The Club Mart by KSKKP ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT.



KSKKP juga mengambil pendekatan membantu insan memerlukan dengan menyediakan sebuah almari yang dikenali sebagai “Bank Rezeki” yang ditempatkan berdekatan kedai serbaneka berkenaan bagi meletakkan barang keperluan harian seperti beras, gula, tepung, garam, minyak masak dan lain-lain yang boleh diambil oleh mereka yang memerlukan.

Kedai serbaneka dan “Bank Rezeki” ini merupakan cetusan idea YBhg. Datuk Isham Ishak sendiri yang merupakan Penaung KSKKP. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan Ketua-Ketua Unit MOT sebagai tanda sokongan serta pendorong semangat kepada KSKKP untuk terus bergiat aktif dengan program dan aktiviti yang bermanfaat kepada semua warga MOT.



# Majlis Tandatangan Nota Kerjasama Antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menandatangani satu Nota Kerjasama ke arah usaha sama strategik dalam bidang keselamatan pengangkutan jalan dan pendidikan kesihatan melibatkan pembangunan kompetensi pemandu ambulans, khidmat kejuruteraan automotif dan pengurusan inovasi program keselamatan jalan raya pada 6 April 2021 bertempat di Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

Usaha sama kolaboratif ini akan memfokuskan kepada pelaksanaan program-program di dalam bidang yang merupakan *common interests* kepada kedua-dua Kementerian untuk tempoh lima (5) tahun, mulai 2021 hingga 2025.



Melalui Nota Kerjasama ini, kedua-dua kementerian akan membentuk Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja bagi merangka dan melaksanakan program-program yang menggunakan pendekatan "*whole of government approach*" dan "*whole of society approach*". Menerusi Nota Kerjasama ini juga, Program Pembangunan Modal Insan KKM akan dijalankan dengan agensi di bawah MOT, khususnya oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melibatkan petaulahan pemandu ambulans menerusi pembangunan kompetensi yang merangkumi pembangunan modul, latihan, kursus, penilaian dan penyelidikan berkaitan serta kerjasama dalam pelaksanaan program *cross fertilization* dan *On The Job Training* (OJT) yang melibatkan bidang kejuruteraan automotif.

Nota kerjasama ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan disaksikan oleh YB. Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Kesihatan Malaysia dan YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia.



# Kempen Keselamatan Penunggang P-Hailing Tingkatkan Kesedaran



Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan dalam industri *p-hailing* di Malaysia, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama dengan agensi dibawahnya iaitu Institut Penyelidikan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama operator perkhidmatan dan Persatuan Pengantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR) telah melaksanakan "Kempen Keselamatan Penunggang P-Hailing" dengan tema "Penunggangan Cermat, Penghantaran Selamat" yang akan berlangsung selama enam (6) bulan bermula pada April 2021 hingga September 2021.

Penganjuran kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran penunggang *p-hailing* terhadap kepentingan menjaga keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain semasa membuat penghantaran bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melibatkan penunggang *p-hailing*. MOT berharap dengan penganjuran kempen ini dan kerjasama dari pelbagai pihak akan memberi impak positif kepada keselamatan *p-hailing* di Malaysia.



Di antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang kempen ini ialah hebahan pelaksanaan kempen melalui roadshow, pengedaran risalah keselamatan penunggang *p-hailing* dan penyampaian mesej keselamatan jalan raya melalui pop-up aplikasi yang digunakan oleh operator. Selain itu, MOT dan agensi di bawahnya juga akan melaksanakan teguran atau peringatan secara langsung kepada semua penunggang motosikal di persimpangan lalu lintas yang dilengkapi kamera tertutup dan sistem pembesar suara. Di samping itu, pihak MIROS pulak akan menawarkan khidmat latihan penunggangan selamat kepada operator dan penunggang *p-hailing* yang berminat.

Majlis pelancaran kempen ini telah diadakan pada 9 April 2021 dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia bertempat di West Garden, IOI City Mall, Putrajaya.



# Tren Diesel Multiple Unit (DMU) Menggantikan Perkhidmatan Tren Diesel Konvensional KTM Intercity

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah merasmikan Majlis Pelancaran Tren Diesel Multiple Unit (DMU) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 11 April 2021 di Stesen KTMB Pasir Mas, Kelantan. Sebelum menyempurnakan majlis tersebut, YB Menteri Pengangkutan telah menaiki tren DMU baharu tersebut bertolak dari Stesen Wakaf Bharu ke tapak pelancaran di Stesen Pasir Mas.



Tren DMU diperkenalkan khusus untuk menggantikan perkhidmatan tren diesel konvensional KTM Intercity bagi jajaran Pantai Timur bagi sektor Tumpat – Kuala Lipis. Tren DMU mempunyai empat koc setiap unit dilengkapi dengan fasiliti moden seperti skrin LED, soket kuasa, ruang solat, tandas, bistro dan ruang menyimpan barang. Tren DMU juga mesra OKU, iaitu mempunyai empat tempat duduk dan tandas yang memenuhi keperluan penumpang OKU. Larian komersial tren DMU akan dijalankan secara berperingkat dan larian pertama tren bermula pada hari ini, 11 April bagi laluan Tumpat – Gua Musang dan Gua Musang – Kuala Lipis.

Turut hadir di majlis tersebut ialah wakil rasmi Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Sr. Haji Azami Mohd Nor, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak, Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Encik Adam Abu Hanipah dan Ketua Pengarah, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Encik Azlan Shah Al Bakri.

Sehari sebelum itu, YB Menteri Pengangkutan telah berkesempatan membuat lawatan kerja ke tapak *Tunjong Base Camp* bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan juga dibawa melawat ke Kilang Memproses Besi (*Steel Processing Yard*), Kilang Simpanan Bahan Mentah (*Material Storage Yard*) dan Kilang Bancuhan Konkrit (*Batching Plant*) untuk projek ECRL. Di samping itu, YB Menteri juga berkesempatan menghadiri taklimat mengenai cadangan pembangunan dan naik taraf *Tok Bali Supply Base* (TBSB) yang disampaikan oleh Pengarah Urusan TBSB, Dato' Haji Mustaffar Mohamad. Turut hadir bersama dalam lawatan kerja ini ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak.



# Program PRESTIGE : RIDP Kesungguhan MOT dan MEDAC Dalam Memacu Industri Perkeretaapian Negara

Dalam usaha untuk mengenalpasti dan meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di dalam sektor rel, sebanyak lapan PKS telah dipilih untuk menyertai Program Peningkatan Industri Strategik dan PKS Berprestasi Tinggi (Prestige): Program Pembangunan Dalam Industri Rel (RIDP) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), melalui SME Corp. Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), melalui *National Rail Centre of Excellence* (NRCOE) dan *Technology Depository Agency Berhad* (TDA).



Selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN 2019-2030) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030), terdapat tiga (3) objektif strategik di dalam industry rel iaitu menambahkan bilangan syarikat pertumbuhan tinggi dan inovatif; meningkatkan produktiviti dan kualiti PKS; dan memperluaskan penglibatan PKS tempatan di dalam rantaian bekalan rel domestik dan antarabangsa. Program ini dijangka dapat meningkatkan peratusan kandungan tempatan sekurang-kurangnya 45 peratus dalam beberapa komponen industri rel yang telah dikenal pasti menjelang 2030 dan juga dapat meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran industri.

Selain penyerahan sijil penyertaan dan mock cheque kepada 8 PKS terlibat, turut diadakan juga Majlis Pertukaran *Memorandum of Agreement* (MoA) di antara Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Dr. Sharoul Jambari, Ketua Pegawai Eksekutif *Technology Depository Agency Berhad* (TDA). Majlis Pelancaran Program PRESTIGE : RIDP telah dilancarkan pada 19 April 2021 oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia dan turut dihadiri oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi.



# Ceramah Pengenalan Kepada MS ISO 37001:2016

## Anti-Bribery Management System (ABMS)

Program Ceramah Pengenalan kepada MS ISO 37001 : 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) anjuran Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Unit Integriti (UI) telah diadakan pada 20 April 2021 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Turut hadir ialah YBhg. Dato' Tan Kang Sai Ketua Unit Integriti (KUI) serta wakil 42 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan MOT.



Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan gambaran keseluruhan mengenai ABMS dan aktiviti serta program yang terdapat dalam projek tersebut ke arah mendapatkan pensijilan di mana pengenalan ABMS ini juga adalah keperluan di bawah Projek Pensijilan ABMS.

Bengkel ini berbentuk ceramah dan aktiviti latihan berkumpulan yang dikendalikan oleh dua (2) orang pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) iaitu YBrs. Dr. Azmi bin Awang, Ketua Seksyen Dasar Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasa JPJ dan Pn. Fatimah binti Mohamed Ali Piah, Pengarah JPJ Negeri Perlis yang berpengalaman dan mahir dalam proses pensijilan ABMS.

Pelaksanaan program ceramah ABMS ini membuktikan bahawa MOT seiring dengan seruan Kerajaan menerusi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dalam mendapatkan pensijilan ABMS pada tahun 2021. Perkara ini juga terus dipacu dan diperkuuhkan melalui penerbitan dan pelaksanaan Kenyataan Polisi Antirasuah dan Pelan Antirasuah Organisasii MOT (OACP) 2020-2025 yang dilancarkan pada bulan Oktober 2020.



# **Kursus Penyiasatan Kemalangan Kapal Terbang (Aircraft Accident Investigation Course)**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) dengan kerjasama Akademi Penerbangan Malaysia (MAvA) buat julung kalinya telah mengadakan Kursus Penyiasatan Kemalangan Kapal Terbang (*Aircraft Accident Investigation Course*) bertempat di Akademi Penerbangan Malaysia, Sepang pada 26 April sehingga 7 Mei 2021, melibatkan pegawai-pegawai daripada Pihak Berkusa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan turut disertai oleh seorang Timbalan Dekan daripada *University Kuala Lumpur – Malaysia Institute of Aviation Technology* (UniKL-MIAT).



Sumber Gambar : Instagram Malaysia Aviation Academy (MAvA)

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai peraturan, panduan, tatacara serta selok belok menjalankan penyiasatan kemalangan kapal terbang dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran keselamatan penerbangan (*Aviation Safety Conscious*) ditambah pula dengan perkongsian pengalaman oleh penceramah-penceramah yang pernah dan sering terlibat dalam penyiasatan kemalangan kapal terbang di Malaysia. Tenaga pengajar kursus ini terdiri daripada enam (6) orang Penyiasat daripada BSKU serta tujuh orang pakar dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

Setelah menamatkan kursus ini, para peserta diharapkan boleh menjalankan penyiasatan kemalangan kapal terbang, namun pegawai terbabit perlu bertugas di bawah penyeliaan *Investigator In-Charge* untuk pemantauan.



# Tempoh Sah Lesen Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam Dan Kenderaan Perdagangan Dilanjutkan

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menerusi Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh sah lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan perdagangan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sehingga lima (5) tahun di mana sebelum ini tempoh bagi pembaharuan lesen tersebut adalah dari satu (1) dan dua (2) tahun, mengikut kriteria yang diperlukan. Kelulusan ini akan diberikan jika pengendali berlesen memenuhi kesemua syarat yang ditetapkan iaitu pematuhan piawaian keselamatan, kewangan, Syarikat / Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pelesenan.

Dalam aspek pematuhan piawaian keselamatan, syarikat perlulah menghadiri latihan ICOP Keselamatan dan setiap kenderaan adalah berdaftar dengan APAD serta telah dilengkapi dengan GPS dan syarikat juga perlu memastikan tiada sebarang rekod saman daripada PDRM/JPJ yang aktif bagi semua kenderaan syarikat. Bagi aspek kewangan pula, syarikat perlulah mengemukakan laporan audit tahunan terkini dan memperoleh pendapatan melebihi 80 peratus daripada anggaran tahunan (bagi kenderaan barang sahaja).

Selain itu, syarikat juga perlu mengekalkan modal berbayar yang telah ditetapkan dan perniagaan syarikat adalah berkaitan pengangkutan. Di samping itu, dari segi pelesenan pula, syarikat perlulah mempunyai permit yang aktif, maklumat ahli Lembaga Pengarah dan pemegang ekuiti yang dikemaskini serta pemilikan ekuiti (tiada perubahan ekuiti bumiputera kepada bukan bumiputera).

The infographic is divided into several sections:

- Top Left:** Features a photo of Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Minister of Transport, gesturing while speaking. Text: "LANJUT TEMPOH SAH LESEN PERKHIDMATAN AWAM DAN PERDAGANGAN DARI ANTARA 1, 3 DAN 5 TAHUN KEPADA 3 - 5 TAHUN". Social media handles: @wee ka siong, @drweekasong.
- Top Right:** Text: "LANJUT TEMPOH SAH LESEN PERKHIDMATAN AWAM DAN PERDAGANGAN DARI ANTARA 1, 3 DAN 5 TAHUN KEPADA 3 - 5 TAHUN". Subtext: "TEMPOH SAH LAKU YANG DILULUSKAN JUGA TERTAKLUK KEPADA SYARAT BERIKUT :". A list of requirements:
  - > **Tidak** melebihi had usia kenderaan
  - > **Tidak** melebihi tempoh sah laku lesen TOBTAB (Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaran)
  - > **Tidak** melebihi tarikh sah laku lesen pengendali bagi proses memperbaharui permit kenderaan.A note: "Semoga perubahan dasar ini dapat memberi kelegaan dan manfaat kepada para pemain industri." Social media handles: @wee ka siong, @drweekasong.
- Middle Row (Four boxes):** Each box contains a title and a list of criteria.
  - KRITERIA 1 MEMATUHI PIAWAIAN KESELAMATAN:** Syarikat telah menghadiri latihan ICOP Keselamatan, Setiap kenderaan yang berdaftar dengan APAD telah dibuat pemasangan GPS, Syarikat perlu memastikan tiada sebarang rekod saman (PDRM/JPJ) yang aktif bagi semua kenderaan syarikat.
  - KRITERIA 2 KEWANGAN:** Mengemukakan laporan audit tahunan terkini, Memperoleh pendapatan melebihi 80 peratus daripada anggaran tahunan (bagi kenderaan barang sahaja).
  - KRITERIA 3 SYARIKAT / SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA:** Mengekalkan modal berbayar yang telah ditetapkan, Perniagaan syarikat adalah berkaitan pengangkutan.
  - KRITERIA 4 PELESENAH:** Permit aktif dengan kenderaan, Kemaskini maklumat ahli Lembaga pengarah dan pemegang ekuiti, Pemilikan ekuiti (tiada perubahan ekuiti bumiputera kepada bukan bumiputera).

## **Yan, Kedah Diisytihar Sebagai sebuah Pelabuhan**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mewartakan Yan, Kedah sebagai salah sebuah Pelabuhan pada 10 Mei 2021. Perisytiharan ini adalah di bawah Seksyen 5, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Suatu Had Pelabuhan juga telah diisytiharkan di dalam warta sama, yang melibatkan keluasan perairan 600km persegi dengan mengambil kira jarak sejauh lebih kurang 20 batu nautika dari pantai Yan di bawah Seksyen 6 Ordinan yang sama.

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Wilayah Utara dengan merangka strategi pengembangan dan pembangunan sosio- ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah berhasrat untuk melakukan aktiviti perkapalan dan pembangunan di pesisiran Pulau Bunting yang terletak di Perairan Yan, Kedah.



Pembangunan di Yan sebagai sebuah pelabuhan dijangka akan meningkatkan aktiviti perkapalan di perairan tersebut dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta membangunkan kawasan sekitar daerah Yan, Kedah. Cadangan pembangunan ini turut dapat menyokong pembangunan industri perkapalan serta memajukan sektor pelancongan sekaligus berupaya menjana ekonomi negara amnya dan negeri Kedah khususnya.



Pelabuhan ini juga akan dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM), selaku agensi utama di bawah MOT yang bertanggungjawab mengawal selia isu-isu berkaitan perkapalan dan keselamatan pelayaran termasuk pelabuhan. Antara tanggungjawab JLM adalah untuk memastikan keselamatan aktiviti dan trafik perkapalan di perairan tersebut yang dijangka akan meningkat termasuk menetapkan ruang laluan selamat, selesa dan bersesuaian di kawasan pelabuhan.

Pewartaan dan pembangunan aktiviti perkapalan ini juga adalah sejajar dengan Belanjawan 2021 sepertimana dibentangkan oleh YB Menteri Kewangan pada 6 November 2020 yang memperuntukkan sebanyak RM780 juta kepada lima (5) koridor wilayah pembangunan ekonomi bagi projek-projek pembangunan yang akan diteruskan pada tahun 2021.

# Sambutan 6th Global Road Safety Week Tahun 2021

Bersempena dengan sambutan "6th Global Road Safety Week" anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 17 hingga 21 Mei 2021, beberapa program dan aktiviti telah dijalankan oleh pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia dan Bahagian Keselamatan Jalan Raya (BKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Bertemakan "Streets for Life #Love30", kempen ini juga memberikan penekanan terhadap pengurusan kelajuan (managing speed), di antaranya pematuhan had laju 30 km/j di kawasan komuniti/perumahan, sekolah, taman permainan dan kawasan-kawasan lintasan pejalan kaki di mana ia yang amat penting bagi memastikan pengguna jalan raya selamat terutamanya kanak-kanak.

Sebagai tanda sokongan penuh kepada kempen "Street for Life #Love30", YB Menteri Pengangkutan Malaysia, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong merangkap Penggerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia bersama YB Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah menandatangani deklarasi sokongan terhadap kempen ini.



## Insiden Perlanggaran Dua Tren LRT

Pada 24 Mei 2021 lebih kurang jam 8.33 malam telah berlaku satu insiden perlanggaran dua buah tren Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya antara Stesen Kampung Baru dan Stesen KLCC yang melibatkan sebuah tren tidak membawa penumpang dan sebuah lagi membawa penumpang. Insiden perlanggaran tren ini merupakan kemalangan pertama yang berlaku dalam sejarah negara setelah 23 tahun beroperasi. Seramai 213 orang penumpang telah mengalami kecederaan di mana 166 orang mengalami cedera ringan, manakala 47 orang mengalami kecederaan yang serius dan dikeharkan ke hospital berdekatan bagi mendapatkan rawatan susulan. Susulan insiden ini, satu Jawatankuasa Siasatan segera telah ditubuhkan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak bersama dengan pasukan dalam MOT dan agensi-agensi di bawah MOT bagi menjalankan siasatan dalam tempoh dua minggu.



Rentetan kejadian ini, YB Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah turun menziarahi penumpang yang terlibat dalam kemalangan tersebut pada malam kejadian. Selain itu, YB Menteri Pengangkutan juga telah melawat Pusat Kawalan Operasi (OCC) LRT Laluan Kelana Jaya di Subang bagi mendapatkan penerangan mengenai operasi dan apa yang berlaku semasa kejadian. YB Menteri juga telah mengadakan lawatan ke Pusat Krisis di Stesen LRT KLCC untuk bertemu Team Recovery Rapid Rail Sdn. Bhd. dan menaiki tren untuk meninjau keadaan semasa perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya khususnya di kawasan yang berlakunya insiden. Di samping itu, YB Menteri juga telah menghadiri taklimat maklum balas terkini oleh barisan pakar perubatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mendapatkan maklumat terperinci tahap kesihatan mangsa-mangsa insiden dan rawatan yang telah diberikan kepada mereka yang terlibat.

Bagi membantu mangsa-mangsa, pihak Prasarana telah mengumumkan tiga bentuk bantuan kewangan kepada para penumpang yang terlibat iaitu bantuan kewangan khas seribu ringgit kepada semua penumpang yang terlibat; bantuan kewangan untuk menampung kos perubatan, rawatan susulan dan sebagainya berseuaian dengan kecederaan yang ditanggung oleh para penumpang dan bantuan sara hidup bagi mereka yang kehilangan pendapatan akibat insiden ini.

Laporan oleh Jawatankuasa Siasatan telah dibentangkan oleh YB Menteri Pengangkutan kepada Kabinet pada 9 Jun 2021 dengan 23 cadangan untuk penambahbaikan yang harus di laksanakan oleh Prasarana dan Rapid Rail di mana ia melibatkan lima (5) cadangan penambahbaikan bagi jangka pendek, sebelas (11) bagi jangka sederhana dan tujuh (7) bagi jangka panjang yang memerlukan masa lebih enam bulan untuk dilaksanakan. MOT juga akan mengaudit kemajuan penambahbaikan ini secara berkala. Dalam laporan ini juga kabinet telah dimaklumkan mengenai rentetan peristiwa yang menyebabkan berlakunya perlanggaran tersebut, antara lain kerana masalah teknikal, kegagalan komunikasi antara OCC dengan Hostler Tren 40 tanpa penumpang yang pada ketika itu sedang berada dalam pengendalian "time out" dan pelepasan Tren 81 sehingga berlakunya perlanggaran.

Objektif siasatan ini adalah bagi menentukan hal keadaan dan punca sebenar perlanggaran dengan tujuan mengelakkan insiden yang sama berlaku di masa hadapan serta menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam di mana ianya tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan atau liabiliti terhadap mana-mana pihak.

# **Pengoperasian Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak**

Pembinaan Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak di lokasi baharu iaitu 7 kilometer dari pusat bandar Mukah, yang bermula sejak 11 Ogos 2017 bagi menggantikan STOLport Mukah dengan kapasiti baharu iaitu 265 ribu penumpang setahun telah siap sepenuhnya dan telah memulakan operasinya mulai pada 17 Jun 2021. Lapangan Terbang Baharu Mukah ini telah memulakan operasinya dengan pendaratan pertama pesawat MASwings MH3553 DHC6 Vikings dari Miri pada jam 9.10 pagi dan penerbangan pertama MH3412 ke Kuching pada jam 9.30 pagi.



Lapangan Terbang Baharu Mukah ini direka bentuk untuk memberikan keselesaan dan menepati kehendak rakyat Mukah yang menggunakan perkhidmatan udara luar bandar yang menjadi nadi kepada pergerakan penumpang dan barang di kawasan terbabit. Lapangan terbang ini turut dilengkapi dengan bangunan terminal baharu seluas 3,125 meter persegi, landasan sepanjang 1,500 meter dan lebar 30 meter, sistem pemantauan angin dan jarak penglihatan landasan, sistem navigasi radio dan sistem pencahayaan pendekatan sederhana.

Lapangan terbang baharu ini akan menyokong pembangunan di bawah Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dengan memudahkan pergerakan sektor perdagangan dan eksport produk tempatan di daerah Mukah. Pembangunan Lapangan Terbang Baharu Mukah juga akan menyokong pembangunan daerah itu sebagai hab pendidikan, pusat penyelidikan serta aktiviti di Taman Perindustrian Matadeng di samping pengoperasiannya juga diharapkan dapat memudahkan akses pembekalan vaksin COVID-19 ke kawasan pedalaman seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan dalam membina imuniti kelompok menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

# **MOT, MOSTI Dan KKM Berkolaborasi Dalam Program Pemberian Vaksin Bagi Sektor Pengangkutan**

Sektor pengangkutan merupakan antara perkhidmatan perlu (essential services) yang terus beroperasi 24 jam 7 hari seminggu sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat selain memastikan pergerakan barang dan penumpang tidak terjejas. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan meliputi ketiga-tiga sektor perkhidmatan iaitu maritim, udara dan darat.

MOT telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) bagi melaksanakan program pemberian vaksin kepada barisan hadapan sektor pengangkutan yang akan melibatkan lebih 51,500 orang yang terdiri daripada pelaut, petugas pelabuhan, lapangan terbang, pengangkutan darat dan rel di mana syarikat-syarikat pengangkutan yang terlibat dengan program ini akan menanggung secara bersama kos penyediaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV), manakala bekalan vaksin diberikan secara percuma oleh kerajaan.



Program pertama pemberian vaksin bagi sektor pengangkutan telah bermula dengan program vaksinasi melalui PPV swasta sektor maritim pada 25 Jun 2021 yang dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) di Dewan Kelab Sukan LPK, Pelabuhan Klang, Selangor. Program ini juga diadakan bersempena dengan sambutan Hari Pelaut Sedunia 2021 sebagai penghargaan kepada khidmat bakti pelaut. Program ini telah melibatkan seramai 10,000 pelaut dan petugas pelabuhan dengan kapasiti pengendalian PPV ini adalah 1,000 orang sehari. LPK juga bertindak sebagai penyelia bagi petugas pelabuhan manakala Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPL) melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyelia bagi pelaut.

Program vaksinasi sektor pengangkutan diteruskan dengan sektor pengangkutan udara yang bermula pada 5 Julai 2021 di Bangunan Terminal Utama KLIA dengan melibatkan 32,243 orang petugas lapangan terbang, kakitangan syarikat penerbangan dan petugas kargo. Manakala bagi sektor pengangkutan darat, program ini juga bermula pada bulan Julai dengan beberapa PPV turut dibuka di beberapa lokasi di seluruh negara bagi memastikan 19,257 petugas rel dan pemandu bas dapat diberikan vaksinasi.

Selain itu, MOT bersama dengan pihak CITF juga sedang menyelaras program vaksinasi kepada pemandu teksi/e-hailing, pemandu bas dan petugas penghantar barang (p-hailing) dengan jumlah keseluruhan dianggarkan seramai 355,064 orang di seluruh negara. Program ini akan dilaksanakan di bawah PPV Awam di mana Kerajaan akan menanggung keseluruhan kos tersebut.



# Pelancaran Manual Sistem Pengurusan Antirasuah MOT

Manual Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) Kementerian Pengangkutan Malaysia telah dilancarkan pada 30 Jun 2021 sebagai rujukan dan panduan kepada bahagian dan unit di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi keperluan penyediaan dokumentasi ke arah mendapatkan pensijilan ABMS di mana manual ini merupakan keperluan wajib di bawah MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS).



Kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 telah menggariskan setiap agensi Kerajaan perlu mendapatkan pensijilan ABMS dan ianya juga selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Negara yang telah mengarahkan supaya pembangunan dan pelaksanaan ABMS dijadikan sebagai projek penting bagi semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan bagi tahun 2021. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuh (JKKMAR) Siri 14 Bil. 1 Tahun 2021 yang telah diadakan pada 19 April 2021 dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri juga telah memutuskan supaya Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pensijilan ABMS bagi Kementerian/ Jabatan/ Kerajaan Negeri masing-masing dalam tahun 2021.

Dengan pembangunan dan pelaksanaan Pensijilan ABMS dan pelancaran Manual SPAR pada tahun ini, ia membuktikan bahawa MOT seiring dengan seruan Kerajaan dalam menjadikan organisasi sebagai penanda aras kecemerlangan tadbir urus, integriti dan bebas rasuh. Ia juga menunjukkan komitmen MOT dalam mengamalkan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk amalan rasuh yang dapat mewujudkan ekosistem penyampaian perkhidmatan MOT yang bereputasi tinggi, melangkaui ekspektasi pemegang taruh dan rakyat.



# Laporan Statistik Sektor Pengangkutan Tahun 2020



Pendaftaran  
Kenderaan Baharu

**1,169,320**



Pendaftaran  
Kenderaan Terkumpul

**32,378,174**

Bilangan  
Penumpang Rel

**283,290,163**



Bilangan  
Penumpang Udara

**26,785,925**



Jumlah Kargo  
Dikendalikan di Pelabuhan

**564,329,000**

(Freight Weight Tonnes)



Jumlah Kontena  
Dikendalikan di Pelabuhan

**26,677,778**

(TEUs)

Bilangan  
Kargo Udara

**789,138**

(Metric Tonnes)



Bilangan  
Pergerakan Pesawat

**370,187**



## Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Tel. : 03 8000 8000 · Faks : 03 8888 0158 · E-mel : [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

